

# **SISTEM PEWARISAN TANAH FELDA (GSA) DAN KESANNYA KEATAS HUBUNGAN SOSIAL MERENTASI GENERASI : PENDEKATAN TEORI DASAR SOSIAL (TDS)**

Nurulafiza Ramli<sup>1</sup>  
Sanep Ahmad<sup>2</sup>

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan GSA keatas hubungan sosial generasi FELDA. Peraturan GSA secara eksplisit telah menyekat pembahagian harta pusaka dikalangan waris yang mana hanya seorang penama sahaja akan dinamakan sebagai pemegang amanah. Walaupun kaedah ini baik untuk memastikan kelestarian FELDA dalam program pembasmian kemiskinan tetapi menimbulkan permasalahan dalam isu agihan warisan dan hubungan sosial. Apa yang berlaku adalah penama akan bertindak sebagai pemilik dan menafikan hak yang lain. Adakah ini telah menyebabkan perbalahan di kalangan generasi FELDA yang seterusnya? Persoalan ini perlu diteliti bagi menilai sejauhmanakah GSA membawa kesan positif dan negatif keatas hubungan sosial antara generasi FELDA? Penilaian akan dilakukan berdasarkan Teori Dasar Sosial berserta pembuktian kaji selidik. Dapatan kajian merumuskan bahawa walaupun peraturan ini boleh mengekal dan memperkukuhkan hubungan kekeluargaan tetapi boleh juga berlaku ketidakharmonian dalam generasi FELDA. Kebanyakan generasi kedua tidak mendambakan harta FELDA sebaliknya lebih mengutamakan dan mempertahankan hubungan kekeluargaan. Tetapi pandangan mungkin berbeza bagi generasi ketiga dan seterusnya yang mempersoalkan hak pusaka ibu bapa mereka.

**Kata Kunci:** Teori Dasar Sosial, Agihan Pusaka Islam (Faraid), GSA, Generasi Kedua FELDA

## **1. PENGENALAN**

Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 (Land Ordinance 1956) pada 1 Julai 1956. Penubuhan FELDA ini mempunyai beberapa matlamat, antaranya ialah menyalurkan bantuan kewangan kepada kerajaan negeri, mengambil alih projek kerajaan negeri, membuka tanah-tanah baru dengan terancang dan memberi tanah kepada mereka yang tidak bertanah (Shamsul Bahrin, 1992) Selaras dengan itu akta Tanah 1960 ( Land (Group Settlement Areas) Act 1960) telah digubal parlimen. Melalui Akta ini, pembangunan tanah-tanah untuk pertanian berskala besar, khususnya bagi tanaman kekal seperti getah, kelapa sawit dan koko diberi milik secara terancang dan tidak secara ad-hoc sebagaimana yang diamalkan melalui Kanun Tanah Negara (KTN).Setelah 50 tahun penubuhan FELDA, kini rata-rata peneroka generasi pertama semakin berusia dan kadar kematian pula semakin meningkat. Menjadi persoalan dimana akhir-akhir ini isu pembahagian tanah pusaka FELDA semakin mendapat perhatian

---

<sup>1</sup> Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi.;  
nurulafiza@gapps.kptm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi.; [nep@ukm.my](mailto:nep@ukm.my)

masyarakat disebabkan kegagalan menyelesaikan pusaka tersebut. Bagi kes-kes pusaka tanah dibawah Akta ini ia mempunyai faktor-faktor tersendiri.

Pembahagian harta pusaka yang sememangnya telah bermasalah kini menjadi lebih rumit, apabila berlaku salah faham di kalangan waris yang melibatkan hak milik berkelompok yang terikat dengan akta ini. Sekatan-sekatan yang diperuntukkan dalam Akta ini tidak memungkinkan semua ahli waris mendaftarkan nama mereka dalam geran tersebut. Dalam masa yang sama tanah tersebut tidak boleh dipecah sempadan dan sebagainya. Keadaan ini tanpa pemahaman yang jelas telah menimbulkan kesangsian para waris yang merasakan seolah-olahnya hak mereka dinafikan oleh undang-undang. Dalam konteks sedemikian, timbul juga isu dimana pemegang amanah atau pentadbir tidak berlaku adil mengenai pembahagian hasil kepada waris yang lain malah bertindak seperti pemilik sepenuhnya tanah pusaka tersebut. Persoalan yang ingin dikaji adalah berkait rapat dengan isu masalah pewarisan tanah ini dari segi implikasi sosial yang wujud yang memberi impak kepada hubungan kekeluargaan masyarakat generasi Felda yang seterusnya. Disamping itu, pembangunan dasar sosial yang dijalankan adalah usaha FELDA untuk memelihara hubungan masyarakat Felda merentasi generasi.

### **1.1 Pembangunan Dasar Sosial Di Felda**

Pembangunan dasar sosial di FELDA mencakupi bidang pendidikan, kesihatan,perumahan, keharmonian masyarakat, kepimpinan, institusi keluarga dan pembangunan generasi baru.

- a. Pendidikan . Secara umumnya terbahagi kepada empat dimensi; iaitu melalui peruntukan kewangan untuk program pendidikan dan biasiswa; perancangan program di peringkat pusat; pelaksanaan program di sekolah FELDA; dan kerjasama FELDA dengan Kementerian Pelajaran, Pejabat Pendidikan Daerah, PIBG dan komuniti FELDA.
- b. Kesihatan. Tumpuan aktiviti kesihatan adalah kearah memberi kesedaran kepada keluarga peneroka supaya mementingkan langkah pencegahan awal daripada rawatan. Program kesihatan seperti kempen dan ceramah dilaksanakan di peringkat rancangan dan wilayah.
- c. Bantuan kepada Peneroka. Bagi membantu peneroka meningkatkan taraf hidup serta menjadikan warga peneroka sebagai golongan pertengahan. Terdapat skim dan bantuan yang ditawarkan kepada peneroka antaranya ialah Tabung Kebajikan Peneroka.
- d. Pembangunan Generasi Baru. Pelbagai program telah dilaksanakan seperti kepimpinan, kursus jati diri serta program kerohanian kearah menangani gejala sosial. Antaranya ialah Kem Bina Remaja dan Sukan Warga Felda.

Program pembangunan dasar sosial yang diusahakan oleh pihak FELDA menunjukkan agensi tersebut begitu komited untuk membantu warga FELDA, khususnya generasi kedua. Hasrat untuk meningkatkan tahap sosioekonomi peneroka melalui program yang disediakan amat menguntungkan warga peneroka jika dibandingkan dengan petempatan luar bandar lain.( FELDA,2007)

## **2. METEDOLOGI KAJIAN**

Data kajian yang dibincangkan dalam kajian ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu data sekunder tentang program pembangunan dasar sosial yang dijalankan oleh FELDA kepada

peneroka. Data primer pula dikumpul menerusi kerja lapangan di Felda Bukit Kepayang, Felda Palong, Felda Inas Utara dan Felda Chini bagi mendapatkan maklumat mengenai implikasi sosial kesan GSA menerusi analisis deskriptif dan analisis faktor.

### **3. KAWASAN KAJIAN**

FELDA Bukit Kepayang terletak dalam daerah Temerloh lebih kurang 173 kilometer ke barat Kuantan. FELDA ini merupakan tanah rancangan tertua di Gugusan Bera. Dari tahun 1971 hingga tahun 1983, FELDA semakin aktif melaksanakan rancangan pembangunan tanah di Negeri Sembilan. Daripada jumlah ini sebanyak 30 dilaksanakan di daerah Jempol. Penduduk di FELDA Palong adalah berketurunan Melayu, Cina dan India. Penduduk ini rata-ratanya adalah berasal dari negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Selangor. FELDA Chini terletak dalam daerah Pekan iaitu 79 kilometer ke barat daya Kuantan. Tanah rancangan FELDA mula dimajukan dalam tahun pembangunan 1973-an dengan kawasan tanaman sawit seluas 2003.39 hektar. Secara keseluruhannya bilangan penduduk bagi rancangan ini ialah 2751 orang. FELDA Inas Utara terletak dalam daerah Johor Bahru, lebih kurang 45 kilometer ke Tenggara Bandar Kulai dan 75 kilometer dari ibu negeri. Di awal tahun 1976, FELDA ini mempunyai keluasan tanaman kelapa sawit seluas 1073.29 hektar dan mempunyai penduduk seramai 1981 orang. Seramai 264 buah keluarga peneroka berketurunan Melayu dan berasal dari Negeri Sembilan mulai ditempatkan pada bulan Julai 1983.

### **4. KAJIAN LEPAS**

Zulkifli Mohamad (2010) dalam kajiannya di FELDA Lurah Bilut, Bentong menyatakan kurangnya pemahaman masyarakat peneroka terhadap pemilikan dan pewarisan tanah FELDA menyebabkan berlakunya pertelingkahan dalam keluarga berhubung pembahagian tanah pusaka. Majoriti situasi masalah pembahagian tanah pusaka FELDA tidak selesai berpunca daripada tiada kata sepakat dapat dicapai dikalangan waris berhubung kaedah perolehan dan bahagian yang diterima masing-masing (Zulkifli,2008). Manakala menurut Wan Hassan,1988, peraturan menetapkan bahawa harta peninggalan peneroka yang diusahakan hendaklah dibahagikan mengikut okum faraid, dan untuk mengelakkan dari berlakunya pemecahan tanah maka pembahagian tidaklah dilakukan secara fizikal, akan tetapi pembahagian dilakukan ke atas harga tanah mengikut nilai semasa.

Tengku Maimun (1982) menyatakan tentang bagaimana kaedah perwarisan bagi tanah-tanah FELDA. Kebanyakan tanah-tanah FELDA masih belum mempunyai hakmilik dan penyelesaian pusaka hanya diselesaikan di hadapan pegawai FELDA. Selain itu, Zulkifli (2008) menyatakan ekoran dari isu pembahagian harta pusaka FELDA, tanpa pemahaman yang jelas akan menimbulkan kesangsian di kalangan para waris yang merasakan seolah-olahnya hak mereka dinafikan undang-undang. Kajian Tuan Normazidah (2012) di FELDA Jengka 5 Maran isu pembahagian harta pusaka FELDA turut menjadi perbalahan antara generasi kedua masyarakat disini kerana ketidakpuasan hati dan sebagainya. FELDA perlu mendedahkan pengetahuan berkenaan undang-undang tanah kepada generasi kedua khususnya. Ahmad Mahir Zainal (2011) mendapati terdapat enam kes pengurusan harta pusaka yang masih tertanggung sehingga kini di FELDA Kemahang Tiga disebabkan oleh pertelingkahan antara waris keluarga simati. Kes pertama iaitu Deraman bin Mat Hussin (Fail Pusaka, 2009) yang telah meninggal dunia pada 15 haribulan Mac 2009. Si mati mempunyai dua orang isteri yang mana sebelum arwah menyertai tanah rancangan FELDA ini, Persetujuan gagal dicapai antara mereka dan anak-anaknya bahkan isteri pertama enggan bekerjasama didalam rundingan memilih pengganti tanah pusaka.

Kes Zakaria@Harun bin Yaacob (Pusaka Kecil, 2006) yang juga masih tertanggung disebabkan masalah mengumpulkan ahli-ahli waris si mati. Hal ini dimana anak-anak si mati merantau bekerja di luar negeri Kelantan, jadi sukar bagi mengadakan perbicaraan bagi mendapatkan persetujuan para waris bagi memilih dua pengganti tanah pusaka. Kes ketiga kes pusaka yang masih tertanggung kini akibat daripada sikap ahli-ahli waris yang lewat menuntut harta pusaka si mati, iaitu Abdul Rashid bin Ali (Fail Pusaka,2008). Kes Kamariah binti Muda (Fail Pusaka, 2006) yang meninggal dunia pada 3 haribulan Januari 2006. Berlaku perselisihan dan perebutan hak milik tanah di kalangan ahli waris di mana mereka tidak bersepakat untuk memilih dua orang pengganti bagi menguruskan tanah pusaka si mati menyebabkan kes ini terus tertanggung Berkenaan dua kes pusaka yang lain yang masih tertanggung di FELDA Kemahang Tiga sehingga kini ialah Nik Mat bin Ali (Pusaka Kecil, 2009) yang meninggal pada 20 haribulan Disember 2008 dan kes Fatimah binti Yaacob (Fail Pusaka,2008) yang telah menghembuskan nafas terakhir pada 25 haribulan Oktober 2008. Kes tersebut dikatakan masih tertanggung sehingga kini akibat sikap sambil lewa para ahli waris si mati di dalam memberi kerjasama kepada pihak pengurusan FELDA dan pihak Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah bagi pengurusan harta pusaka si mati.

## **5. HASIL KAJIAN**

### **5.1 Profil Responden**

Jadual 2 menunjukkan sejumlah 181 orang (60.3%) daripada 300 orang responden adalah lelaki dan selebihnya iaitu 39.7 peratus atau 119 orang adalah perempuan. Majoriti responden berumur dalam lingkungan 21 hingga 30 tahun diikuti oleh responden yang berumur di antara 31 hingga 40 tahun. Bilangan paling rendah adalah responden pada tahap umur 71 hingga 80 tahun iaitu seramai 5 orang (1.7%). Taburan status perkahwinan responden menunjukkan seramai 186 orang adalah sudah berkahwin iaitu meliputi 62 peratus. Seramai 86 orang adalah berstatus bujang dan selebihnya 9.4 peratus seramai 28 orang adalah terdiri daripada ibu atau bapa tunggal (3.7%) dan yang berstatus duda atau janda (5.7%). Majoriti responden (36.7%) telah berjaya menamatkan sekolah menengah dengan mencapai kelayakan SPM. Di kalangan responden, mereka yang mempunyai pencapaian kelulusan tertiar adalah 12.6 peratus dan 9.7 peratus merupakan lulusan universiti. Ini bermakna jumlah responden yang mencapai pendidikan tertiar adalah seramai 67 orang atau 22.3 peratus. Taburan sektor pekerjaan menunjukkan daripada 300 responden, jumlah peneroka adalah seramai 105 orang (35%) dan seramai 138 orang adalah mereka yang bekerja sendiri (18.7%) , bekerja di sektor swasta (18.3%) dan bekerja dengan badan kerajaan (9%). Selebihnya responden adalah di kalangan pelajar dan lain-lain sektor seramai 57 orang.

Manakala tahap pendapatan responden merangkumi 7 kategori pendapatan. Didapati seramai 147 orang (49%) responden mempunyai pendapatan dari RM 1001 hingga RM 2000 manakala sebanyak 36 peratus responden atau 108 orang mempunyai pendapatan kurang dari RM 1000. Responden kajian dikenalpasti terdiri daripada 3 generasi di mana kebanyakan responden adalah dari generasi kedua (60.7%) seramai 182 orang diikuti oleh generasi pertama seramai 110 orang iaitu sebanyak 36.7 peratus dan selebihnya generasi ketiga (2.7%). Di kalangan responden, majoriti menyatakan ibu bapa mereka yang asal dari generasi pertama masih hidup (68.7%) dan hanya segilintir sahaja dimana waris generasi pertama sudah meninggal dunia iaitu sebanyak 4.7 peratus. Sementara responden kajian (75%) mempunyai tempat tinggal dalam kawasan FELDA iaitu seramai 225 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 147 orang tinggal di rumah waris asal (47.7%) dan 27.3 peratus daripadanya tinggal dirumah sendiri. Jumlah isirumah pula, sebahagian responden mempunyai 4 hingga 6

orang setiap keluarga (48.7%) diikuti oleh 89 orang responden mempunyai jumlah isirumah kurang daripada 3 orang. Hanya 12 orang responden (4%) mempunyai lebih daripada 10 orang isirumah

## **5.2 Pengetahuan Tentang Dasar Pewarisan Tanah FELDA**

Dari segi pengetahuan responden terhadap sistem tersebut, Jadual 1, menunjukkan 62.7 peratus responden menyatakan mereka memperoleh maklumat tentang dasar ini dari penerangan oleh pegawai FELDA. Manakala diikuti 21.5 peratus responden mendapat maklumat dari pembacaan mereka sendiri dan selebihnya adalah dari penerangan oleh kawan-kawan sebanyak 8.5 peratus dari responden. Menurut responden 27 peratus bersetuju bahawa hanya seorang penama mewakili pewaris tanah FELDA, kemudian sebanyak 24 peratus difahamkan bahawa isteri adalah sebagai pewaris manakala yang memilih anak sulung mewakili pewaris adalah seramai 17 orang (5.7%). Seramai 108 responden yang tahu mengenai dasar ini berpuas hati dengan sistem pewarisan dan hanya 6.7 peratus tidak berpuas hati sebaliknya yang tidak pasti atau hanya mengikut sahaja pula sebanyak 16.7 peratus atau seramai 50 orang.

## **5.3 Impak Masalah Akta Tanah 1960 (GSA) Menggugat Hubungan Sosial Institusi Kekeluargaan Generasi FELDA**

### **a) Kesan Kaedah Pewarisan Tanah FELDA**

Dapatan kajian melihat hanya 16.7 peratus daripada jumlah responden kajian iaitu seramai 50 orang yang mengalami masalah dalam keluarga masing-masing berkenaan pembahagian tanah FELDA. Ini disebabkan 68.7 peratus waris responden dari generasi pertama adalah masih hidup. Hampir 80 peratus responden kajian (229 orang) mengiyakan biasa mendengar berlakunya masalah dikalangan waris (bukan dari keluarga mereka) berkenaan pembahagian tanah FELDA kesan daripada sistem yang diamalkan.

Jadual 3 menunjukkan antara masalah yang biasa berlaku menurut responden kajian. Kesan yang paling utama berlaku ialah perbalahan dan tuntutan antara adik beradik dimana sebanyak 66.7 peratus (200 orang) memilih item tersebut. Manakala kesan kedua yang menjadi pilihan responden adalah berlakunya masalah semasa pembahagian hasil FELDA oleh pemegang amanah. Sebanyak 27 peratus responden iaitu seramai 81 orang bersetuju memilih kesan tersebut. Seterusnya antara masalah lain yang berlaku ialah perbalahan dan tuntutan antara ahli keluarga (14.7%), perbalahan melibatkan keluarga tiri (24.7%) dan juga perbalahan melibatkan harta sepencarian pasangan (19.3%). Secara keseluruhannya dapat dilihat pembahagian tanah FELDA yang tertakluk kepada Akta GSA 1960 memberi masalah kepada waris terutamanya keluarga simati.

### **b) Kesan Perhubungan Keluarga**

Jadual 4 menunjukkan perbezaan min antara generasi masalah keluarga yang timbul kesan dari kaedah pewarisan tanah FELDA yang diamalkan. Min responden generasi kedua menyatakan tahap persetujuan yang lebih tinggi berbanding generasi pertama. Umpamanya masalah 'putus hubungan', 'pertelingkahan berpanjangan antara generasi', dan 'pemegang amanah menafikan hak waris' menunjukkan tahap persetujuan yang lebih tinggi pada generasi kedua berbanding generasi pertama. Manakala generasi ketiga setuju dengan semua masalah yang timbul. Secara keseluruhannya, tahap persetujuan generasi pertama

(min=2.99), generasi kedua (min=3.24) hingga ke generasi ketiga (min=3.38) makin meningkat dengan masalah yang timbul dikalangan keluarga waris. Ini menunjukkan masalah ini makin serius dan berlarutan merentasi generasi.

Manakala Jadual 5 menunjukkan perbezaan min antara FELDA masalah keluarga yang timbul kesan dari kaedah pewarisan tanah FELDA yang diamalkan. Tahap persetujuan masalah keluarga yang timbul di empat buah FELDA ini juga menggambarkan tahap keseriusan isu ini menggugat hubungan kekeluargaan dalam masyarakat FELDA. Min responden di FELDA Bukit Kepayang (min=3.14) mencapai tahap persetujuan yang paling tinggi terhadap lima masalah dalam keluarga diikuti oleh FELDA Chini (min=2.91), FELDA Palong (min=2.91) dan FELDA Inas Utara (min=2.64). Didapati keempat-empat buah FELDA ini bersetuju mengatakan masalah 'pertelingkahan yang berlaku berpanjangan antara generasi' sebagai masalah utama di setiap FELDA.

### **c) Kesan Sosial**

Jadual 6 menunjukkan perbezaan min antara Generasi masalah sosial yang timbul kesan dari kaedah pewarisan tanah FELDA yang dilaksanakan. Min responden dari generasi kedua (min=4.15) lebih tinggi tahap persetujuan berbanding generasi pertama (min=3.24) apatah lagi generasi ketiga (min=4.41) yang menggambarkan ekoran daripada masalah yang timbul dalam keluarga menyebabkan kesan sosial yang negatif dalam diri. Generasi pertama bersetuju (min=3.55) masalah yang berlaku kesan dari sistem pewarisan tanah FELDA akan 'merosakkan rasa hormat hubungan dikalangan waris' manakala generasi kedua (min=3.54) pula menyatakan isu ini menyebabkan masyarakat 'terdedah kepada gejala hasad dengki'. Min responden generasi ketiga (min=3.75) pula kuat mengatakan tahap persetujuannya masalah ini akan menyebabkan 'kurangnya motivasi untuk memajukan diri di kalangan waris'.

Jadual 7 menunjukkan perbezaan min antara FELDA masalah sosial yang timbul kesan dari kaedah pewarisan tanah FELDA yang dilaksanakan. Didapati FELDA Bukit Kepayang mencatat tahap persetujuan yang tinggi terhadap lima kesan sosial ini diikuti oleh FELDA Chini, FELDA Palong dan FELDA Inas Utara. Min responden dari FELDA Bukit Kepayang (min=3.66) dan FELDA Chini (min=3.55) mempunyai tahap persetujuan yang sama dimana masalah yang berlaku disebabkan kaedah pewarisan tanah yang diamalkan menimbulkan 'gejala hasad dengki' dalam masyarakat. Seterusnya bagi min responden dari FELDA Palong (min=3.64) dan FELDA Inas Utara (min=3.56) berpendapat bahawa isu ini akan 'merosakkan rasa hormat hubungan dikalangan waris' yang mencatat tahap persetujuan yang tinggi berbanding kesan lain.

## **5.4 Kesan Sosial Yang Signifikan Dalam Menentukan Pemboleh Ubah Bersandar**

Jadual 8, item-item yang dijalankan analisis faktor telah mengekstrak dua faktor iaitu Kesan Perhubungan Keluarga dan Kesan Sosial. Berdasarkan jadual 9, dibawah faktor yang pertama elemen yang paling signifikan menerangkan Kesan Perhubungan Keluarga ialah elemen 'pertelingkahan berpanjangan antara generasi' dengan min tertinggi 3.28 (sisihan piawai 1.1) berbanding elemen lain. Manakala bagi faktor yang kedua, elemen 'merosakkan rasa hormat hubungan dikalangan waris' dengan min 3.51 (sisihan piawai 0.927) adalah yang paling signifikan berbanding elemen lain dalam menentukan Kesan Sosial yang wujud ekoran dari sistem pewarisan tanah FELDA yang diamalkan.

Elemen 'pertelingkahan' merupakan kesan yang kritikal yang akan terus menggugat hubungan kekeluargaan masyarakat FELDA jika sistem pewarisan ini diteruskan tanpa sebarang penambahbaikan. Di samping menggugat hubungan kekeluargaan, isu ini memberi kesan sosial di kalangan ahli masyarakat yang terbeban dengan masalah ini dimana jika pertelingkahan terus berlaku maka ianya akan 'merosakkan rasa hormat hubungan dikalangan waris simati'. Justeru elemen kesan sosial tersebut menjadi skor min tertinggi antara generasi juga antara FELDA.

## **6. CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR**

Bagi mengekalkan kesejahteraan hubungan kekeluargaan masyarakat peneroka, FELDA perlu menghapuskan sekatan Seksyen 14 di bawah Akta Tanah GSA 1960. Dengan kata lain tiada isu pindahmilik tanah yang akan dibuat kepada waris dari generasi kedua. Oleh yang demikian, kontrak baru akan dibuat antara pihak Felda dan pemilik baru bagi mengusahakan tanah tersebut. Seperti kata Shamsul (1992), kerajaan menyediakan skim 'beli secara ansuran' untuk pembangunan tanah peneroka, untuk tujuan ini tempoh pembayaran balik antara 10 hingga 35 tahun difikirkan sesuai. Skim ini akan mendapatkan kembali kosnya melalui 'bayaran secara mudah' sebaik sahaja tanah yang dikerjakan itu mula mengeluarkan hasil. Peneroka akan dapat menikmati hasil dari tanah tersebut sepenuhnya apabila telah selesai membayar kos tanaman yang dipinjamkan oleh kerajaan. Justeru, perlu adanya kesedaran pendidikan secara berterusan terhadap generasi kedua dan seterusnya penjelasan tentang pewarisan tanah Felda yang sebenar dari segi pemilikannya.

Apa yang perlu generasi Felda fahami bahawa pemilikan tanah FELDA bukanlah secara kekal tetapi adalah pemilikan secara manfaat terhadap tanah tersebut. Ketidakhahaman yang berlaku terhadap konsep pemilikan menurut Seksyen 14 Akta Tanah GSA 1960 menyebabkan penama akan berlagak seperti pemilik sepenuhnya dan menafikan hak pewaris yang lain. Oleh yang demikian, pihak FELDA juga perlu beri penjelasan mengenai bidang kuasa pentadbir atau pemegang sekiranya ahli waris mencapai persetujuan untuk terus mengusahakan tanah FELDA ibubapa mereka. Selain itu perubahan dimana satu sekatan baru perlu diwujudkan iaitu peneroka-peneroka Felda supaya mengambil tindakan awal untuk membuat penurunan milik terus kepada waris-waris yang menduduki rancangan atau membuat wasiat atau melantik salah seorang waris sebagai pemegang amanah supaya apabila peneroka tersebut meninggal dunia, harta tersebut dapat diuruskan dengan sempurna. Antara cadangannya ialah:

- i. Sekatan dibawah Seksyen 14 wajar dihapuskan agar kebajikan kedua-pihak iaitu FELDA dan peneroka dapat dijaga. Pihak Felda perlu menegaskan bahawa tiada pembahagian harta pusaka akan dilakukan kepada waris peneroka asal jika berlaku kematian. Ini kerana kontrak yang ditandatangani peneroka asal dan pihak Felda hanya sah antara mereka. Jika peneroka tersebut meninggal dunia maka kontrak tersebut terbatal dan secara automatik hak perusahaan tanah tersebut akan menjadi milik FELDA. Walau bagaimanapun, pihak Felda akan menawarkan kepada sesiapa waris keluarga simati sebagai pemilik baru tanah untuk mengusahakannya dan kontrak baru akan dibuat diantara mereka.
- ii. Pemilikan menjadi tidak ekonomik akibat perkongsian ramai. Perkara ini dapat diatasi sekiranya persetujuan antara semua pemilik tanah tersebut supaya menubuhkan syarikat keluarga dan memajukan harta tersebut. Pihak kerajaan perlu membuat pemantauan secara berkala dari segi perusahaan tanah ke atas setiap pemilik baru

tanah. Ini bagi menjamin tanah tersebut terus diusahakan dan tidak terbiar begitu sahaja.

- iii. Para waris tidak perlu bersengketa ataupun bergaduh berebut harta pusaka. Waris yang dipilih untuk menjadi pemegang amanah perlulah faham bidang kuasanya bukannya bermakna dia adalah pemilik sepenuhnya harta tersebut. Pegawai FELDA perlu menjelaskan secara terperinci terhadap pemegang amanah bidang tugas mereka bagi mengelakkan penama menyalahgunakan kuasa semasa pembahagian hasil kepada waris yang lain.
- iv. Kerajaan perlu memastikan pentadbiran dan pengurusan harta pusaka FELDA dilaksanakan dengan baik. Pengkaji mencadangkan bahawa pihak FELDA khususnya menubuhkan satu badan khas atau entiti berasingan atau badan bukan kerajaan (NGO) bagi mentadbir tanah pusaka FELDA yang berhadapan masalah. Ini bermaksud FELDA akan menawarkan kepada mereka penyelesaian untuk memajukan tanah pusaka tersebut bagi pihak waris-waris. Perjanjian akan ditandatangani antara FELDA dan waris untuk pembahagian tuntutan hasil tanaman.
- v. Sekatan baru perlu diwujudkan iaitu peneroka-peneroka Felda supaya mengambil tindakan awal untuk membuat penurunan milik usaha tanah kepada waris-waris yang menduduki rancangan atau membuat wasiat atau melantik salah seorang waris sebagai pemegang amanah supaya apabila peneroka tersebut meninggal dunia, harta tersebut dapat diuruskan dengan sempurna.
- vi. Kempen Kesedaran tentang peneroka hanya mempunyai pemilikan secara manfaat terhadap tanah Felda tersebut. Pihak FELDA perlu menjadi lebih telus dengan peneroka bagi menjelaskan mengenai garis panduan pengurusan harta pusaka peneroka dan penjelasan bidang kuasa pemegang amanah secara berterusan dilaksanakan disetiap tanah rancangan FELDA. Kesedaran tersebut juga boleh dilakukan melalui media, ceramah, bengkel dan sebagainya. Peranan media cetak dan elektronik yang dikuasai oleh korporat juga diperlukan bagi membantu memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan dari masa ke semasa.

## **7. KESIMPULAN**

Pemilikan tanah di bawah agensi FELDA yang terdapat di seluruh Negara tertakluk kepada beberapa sekatan hak milik. Sekatan hak milik ini diperkenalkan supaya matlamat asal penubuhan FELDA dan objektifnya tercapai. Oleh sebab Akta Tanah 1960 hanya membenarkan dua nama sahaja yang boleh didaftarkan, maka pemahaman kepada konsep ini boleh mengelakkan sebarang pertikaian dalam keluarga generasi akan datang. Secara keseluruhannya, penulis berpandangan isu pusaka FELDA boleh diselesaikan sepenuhnya jika sekiranya ahli-ahli waris mendapat penerangan dan maklumat yang secukupnya mengenai konsep pemilikan yang sebenar. Cadangan yang dikemukakan dapat membantu menjernihkan hubungan kekeluargaan generasi FELDA dimasa depan disamping melestarikan perusahaan tanah tersebut. Isu ini tidak wajar dipandang ringan kerana ia mampu mempengaruhi perkembangan ekonomi negara dan kesejahteraan sosial rakyat di masa depan.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Mahir Zainal. (2011). Pengurusan Harta Pusaka Di Rancangan Pembangunan Tanah Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok : Kajian Kes Di Felda Kemahang Tiga, Kelantan Darul Naim. Tesis Sarjana :Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. (Seksyen 14, 15, 17 & 7(3)).
- Chua Yan Piaw. (2009). Buku 5. Statistik Penyelidikan Lanjutan. Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM. Malaysia: McGraw Hill Sdn.Bhd.
- Fail Kes Pusaka. (2008). Bil 6 (28/2/08) 3287-1-7-1. Pejabat Felda Kemahang Tiga.
- Fail Kes Pusaka. (2009). Bil 57 (7/12/09)1450-3287. Ibu Pejabat Felda Gua Musang.
- Fail Kes Pusaka Kecil. (2009). JKPTG-PK-03-0039-2009. Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah.
- Fail Pusaka. (2006). Bil 57 (7/12/09)1450-3287. Pejabat FELDA Gua Musang.
- Fail Pusaka Kecil. (2008). JKPTG-PK-03-06-0216-2008. Pejabat Felda Kemahang Tiga.
- FELDA. (2007). Laporan Tahunan . Kuala Lumpur: FELDA.
- Mohd Yassin Bin Mohd Yusuf. (2010). Pentadbiran Harta Pusaka GSA Dalam Sistem Pentadbiran . TESIS SARJANA. Universiti Teknologi Malaysia.
- Shamsul Bahrin, P.D.A Perera, Lim Heng Kow. (1992). Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Maimun Tengku Mat. (1982). Satu kajian Sistem Perwarisan FELDA-Merujuk Kepada Pusaka Islam. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi MARA.
- Tuan Normazidah Tuan Aziz. (2012). The Opportunities For The Second Generation Of Felda Settlers. Latihan Ilmiah. Universiti Teknologi MARA.
- Wan Azmi Ramli. (1982). Dasar Sosial di Malaysia. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Wan Hassan Wan Mat. (1988). Pengurusan dan Pemilikan Tanah Pertanian berkaitan getah di Rancangan Kemajuan & Rancangan Pemilikan Tanah Kesedar. Masalah dan Penyelesaian mengikut Perspektif Islam. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Zulkifli Mohamad. (2008). Isu Pusaka Tanah Rancangan FELDA: Kajian Kes Felda Lurah Bilut Bentong Pahang. Dlm Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf. Bangi, 18 &19 Oktober: Anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Malaysia.
- Zulkifli Mohammad. (2010). Penyelesaian Isu Harta Pusaka Tanah Rancangan Felda: Kajian Kes Felda Lurah Bilut, Pahang. Tesis Ph.D. Jabatan Syariah & Undang-undang, Universiti Malaya.

**APPENDIKS**

Jadual 1 : Taburan profil responden

<b>Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>	<b>Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Jantina</b>			<b>Tempat Tinggal</b>		
Lelaki	181	60.3	FELDA: Rumah Asal	143	47.7
Perempuan	119	39.7	FELDA: Rumah Sendiri	82	27.3
<b>Umur</b>			Luar FELDA	53	17.7
11-20 tahun	17	5.7	Lain-lain	22	7.3
21-30 tahun	96	32	<b>Bilangan Isi Rumah</b>		
31-40 tahun	65	21.7	1-3 orang	89	29.7
41-50 tahun	20	6.7	4-6 orang	146	48.7
51-60 tahun	55	18.3	7-9 orang	53	17.7
61-70 tahun	42	14	10 dan keatas	12	4
71-80 tahun	5	1.7	<b>Pendapatan</b>		
<b>Status</b>			0-1000	108	36
<b>Perkahwinan</b>			1001-2000	147	49
Berkahwin	186	62	2001-3000	24	8
Bujang	86	28.7	3001-4000	11	3.7
Duda/ Janda	17	5.7	4001-5000	7	2.3
Ibu/ Bapa tunggal	11	3.7	6001-7000	2	0.7
<b>Pendidikan</b>			7001-8000	1	0.3
<b>Tertinggi</b>			<b>Sektor Pekerjaan</b>		
SRP/ PMR			Peneroka	105	35
ke bawah	104	34.7	Badan kerajaan	27	9
SPM	110	36.7	Swasta	55	18.3
STPM/ STAM	10	3.3	Bekerja sendiri	56	18.7
DIPLOMA	28	9.3	Pelajar	21	7
IJAZAH	29	9.7	Lain-lain	36	12
Lain-lain	19	6.3	<b>Adakah Generasi Pertama Masih Ada</b>		
<b>Generasi Felda</b>			Kedua-dua masih ada	206	68.7
Pertama	110	36.7	Seorang sahaja masih hidup	80	26.7
Kedua	182	60.7	Kedua-dua telah meninggal	14	4.7
Ketiga	8	2.7	<b>JUMLAH</b>		
<b>JUMLAH</b>			<b>JUMLAH</b>	<b>300</b>	<b>100</b>
	<b>300</b>	<b>100</b>		<b>300</b>	<b>100</b>

Jadual 2: Pengetahuan Responden Tentang Sistem Pewarisan Tanah FELDA

Bagaimana anda tahu tentang sistem ini?	Ya		Tidak		Jumlah	
	Kekerapan	%	Kekerapan	%	Kekerapan	%
penerangan oleh pegawai FELDA	111	62.7	66	37.3	177	100
penerangan oleh kawan	15	8.5	162	91.5	177	100
pembacaan sendiri	38	21.5	139	78.5	177	100
lain-lain	13	7.3	164	92.7	177	100

  

Apakah yang anda tahu tentang sistem ini?	Ya		Tidak		Jumlah	
	Kekerapan	%	Kekerapan	%	Kekerapan	%
seorang penama mewakili pewaris	81	45	99	55	180	100
anak sulung mewakili pewaris	17	9.4	163	90.6	180	100
isteri sebagai pewaris	72	40	108	60	180	100
seorang menjadi pewaris	11	6.1	169	93.9	180	100

  

Apakah hak penama yang mewarisi tanah FELDA?	Ya		Tidak		Jumlah	
	Kekerapan	%	Kekerapan	%	Kekerapan	%
penama sebagai pemilik baru	62	34.6	117	65.4	179	100
penama sebagai pemegang amanah	103	57.5	76	42.5	179	100
penama sebagai pemilik rumah sahaja	5	2.8	174	97.2	179	100
penama sebagai pengurus ladang shj	10	5.6	169	94.4	179	100

Jadual 3 : Taburan Masalah Berkenaan Pembahagian Tanah FELDA

Kesan	Ya		Tidak		Jumlah	
	f	%	f	%	f	%
perbalahan dan tuntutan antara adik beradik	200	66.7	100	33.3	300	100
perbalahan dan tuntutan antara ahli keluarga (pak cik, mak cik)	44	14.7	256	85.3	300	100
perbalahan melibatkan keluarga tiri (ibu tiri, beradik tiri)	74	24.7	226	75.3	300	100
perbalahan melibatkan harta sepencarian pasangan	58	19.3	242	80.7	300	100

masalah pembahagian hasil FELDA oleh pemegang amanah	81	27	219	73	300	100
lain-lain	8	2.7	292	97.3	300	100

f(kekerapan) % (peratus)

Jadual 4: Perbezaan Min Masalah Keluarga Yang Timbul Antara FELDA

Masalah Keluarga	Felda Chini	Felda Bkt Kepyang	Felda Inas Utara	Felda Palong	Min Keseluruhan
putus hubungan keluarga	3.26	3.46	2.98	2.91	3.13
masalah wali dikalangan waris	2.91	3.14	2.64	3.02	2.94
pertelingkahan berpanjangan antara generasi	3.23	3.52	3.24	3.22	3.28
pemegang amanah menafikan hak waris yang lain	3.18	3.48	3.22	3.2	3.24
Min keseluruhan	2.91	3.14	2.64	2.91	2.94

skala yang digunakan : 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sederhana, 4 = setuju, 5 = sangat setuju

Jadual 5: Perbezaan Min Masalah Keluarga Yang Timbul Antara Generasi FELDA

Masalah Keluarga	Generasi Pertama	Generasi Kedua	Generasi Ketiga	Keseluruhan
	Min	Min	Min	Min
putus hubungan keluarga	2.85	3.29	3.38	2.85
masalah wali dikalangan waris	2.84	2.99	3.25	2.84
pertelingkahan berpanjangan antara generasi	3.16	3.35	3.25	3.16
pemegang amanah menafikan hak waris yang lain	3.09	3.32	3.63	3.09
Keseluruhan	2.84	2.99	3.25	
N= 300	110	182	8	

skala yang digunakan : 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sederhana, 4 = setuju, 5 = sangat setuju

Jadual 4: Perbezaan Min Masalah Keluarga Yang Timbul antara FELDA

Masalah Keluarga	Felda Chini	Felda Bkt Kepyang	Felda Inas Utara	Felda Palong	Min Keseluruhan
putus hubungan keluarga	3.26	3.46	2.98	2.91	3.13
masalah wali dikalangan waris	2.91	3.14	2.64	3.02	2.94
pertelingkahan berpanjangan antara generasi	3.23	3.52	3.24	3.22	3.28
pemegang amanah menafikan hak waris yang lain	3.18	3.48	3.22	3.2	3.24
Min keseluruhan	2.91	3.14	2.64	2.91	2.94

skala yang digunakan : 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sederhana, 4 = setuju, 5 = sangat setuju

Jadual 6 : Perbezaan Min Kesan Sosial Antara Generasi

Kesan Sosial	Generasi Pertama	Generasi Kedua	Generasi Ketiga	Min Keseluruhan
	Min	Min	Min	Min
terdedah kepada gejala hasad dengki	3.4	3.54	3.38	3.48
merosakkan rasa hormat hubungan dikalangan waris	3.55	3.48	3.63	3.51
generasi kedua kurang berwawasan/malas	3.06	3.14	3.5	3.12
rumah pusakan didiami oleh terlalu ramai	2.98	3.15	3.38	3.1
kurang motivasi untuk memajukan diri dikalangan waris	3.19	3.27	3.75	3.25
Min keseluruhan	3.24	4.15	4.41	
N=300	110	182	8	

skala yang digunakan : 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = sederhana, 4 = setuju, 5 = sangat setuju

Jadual 7 ; Perbezaan Min Kesan Sosial Antara FELDA

Kesan Sosial	Felda Chini	Felda Bkt Kepingang	Felda Inas Utara	Felda Palong	Min Keseluruhan
terdedah kepada gejala hasad dengki	3.55	3.66	3.46	3.34	3.48
merosakkan rasa hormat hubungan dikalangan waris	3.37	3.48	3.56	3.64	3.51
generasi kedua kurang berwawasan/malas	3.28	3.28	3.1	2.89	3.12
rumah pusakan didiami oleh terlalu ramai	3.18	3.36	2.8	3.03	3.1
kurang motivasi untuk memajukan diri dikalangan waris	3.29	3.54	3.18	3.11	3.25
Min keseluruhan	3.18	3.28	2.8	2.89	3.1
N=300	110		182	8	

Jadual 8: *Rotated Component Matrix*

Item Soal Selidik Bahagian D	Komponen	
	1	2
pertelingkahan berpanjangan antara generasi	<b>0.904</b>	0.144
pemegang amanah menafikan hak waris yang lain	<b>0.892</b>	0.136
putus hubungan keluarga	<b>0.827</b>	0.3
masalah wali dikalangan waris	<b>0.769</b>	0.25
kurang motivasi untuk memajukan diri dikalangan waris	0.238	<b>0.81</b>
generasi kedua kurang berwawasan/malas		<b>0.807</b>
rumah pusaka didiami oleh terlalu ramai	0.108	<b>0.804</b>
terdedah kepada gejala hasad dengki	0.421	<b>0.609</b>
merosakkan rasa hormat hubungan dikalangan waris	0.46	<b>0.599</b>

Jadual 9 : Taburan Deskriptif Analisis Faktor

Faktor 1 - Kesan Perhubungan Keluarga	Min	S.piawai	N
putus hubungan keluarga	3.13	1.109	300
masalah wali dikalangan waris	2.94	1.055	300
pertelingkahan berpanjangan antara generasi	3.28	1.1	300
pemegang amanah menafikan hak waris yang lain	3.24	1.12	300
Faktor 2 - Kesan Sosial	Min	S.piawai	N
terdedah kepada gejala hasad dengki	3.48	0.912	300
merosakkan rasa hormat hubungan dikalangan waris	3.51	0.927	300
generasi kedua kurang berwawasan/malas	3.12	1.034	300
rumah pusaka didiami oleh terlalu ramai	3.1	1.022	300
kurang motivasi untuk memajukan diri dikalangan waris	3.25	0.996	300